

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JMS213 – Sejarah Politik Malaysia Moden

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

SULIT

1. Malayan Union 1946 digubal menurut British adalah sebagai persediaan ke arah pemerintahan sendiri bagi Tanah Melayu. Dengan merujuk kepada isi kandungan utama Malayan Union, jelaskan sejauh mana anda bersetuju dengan pernyataan ini.

(25 markah)
2. Bincangkan bagaimana faktor keselamatan boleh menjadi faktor utama yang membawa kepada lahirnya Malaysia 1963.

(25 markah)
3. Bolehkah diterima pandangan Cheah Boon Kheng yang menyatakan bahawa konsep daulat dan derhaka menjadi punca kepada kurangnya sambutan orang Melayu terhadap perjuangan nasionalisme menentang Inggeris sebelum Perang Dunia ke-2? Beri alasan-alasan anda.

(25 markah)
4. Jelaskan isu-isu yang menjadi bantahan kaum Kadazan Sabah terhadap kerajaan Persekutuan. Bagaimanakah anda menilai kebangkitan mereka sejak tahun 1960-an?

(25 markah)
5. Tragedi rusuhan kaum 13 Mei 1969 dikatakan berpunca daripada keputusan pilihanraya 1969. Sejauh mana anda bersetuju dengan pernyataan ini. Mengapa anda berpendapat demikian?

(25 markah)
6. Bincangkan pelaksanaan konsep federalisme di Malaysia dengan merujuk kepada hubungan antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri Kelantan 1959-1978 dan Pahang 1976-1981.

(25 markah)